



23 MAY, 2024

KEPADA SEMUA PENGARANG BERITA

KENYATAAN MEDIA NUJ UNTUK EDARAN SEGERA

KUALA LUMPUR: Kesatuan Wartawan Kebangsaan Semenanjung Malaysia (NUJ) memandang serius akan tindakan ahli politik yang dikatakan telah menyerang dan mengugut wartawan portal Tamil.

Kami amat prihatin terhadap keselamatan dan kesejahteraan para wartawan yang terlibat dalam insiden ini, iaitu P. Puvaneswaran dan M. Pavalam, serta seluruh komuniti wartawan Tamil.

Kami juga ingin menyuarakan solidariti bersama rakan seperjuangan, Persatuan Wartawan India Malaysia (MIJA) yang sedang merancang untuk mengadakan pertemuan dengan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil ekoran beberapa wartawan portal Tamil dikatakan menjadi mangsa serangan fitnah oleh pemimpin dan ahli politik.

Kami menyeru Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil untuk mengambil perhatian terhadap perkara ini dan mengambil tindakan segera untuk menghentikan sebarang bentuk serangan peribadi terhadap wartawan.

Kebebasan media dan keselamatan wartawan harus dilindungi demi memastikan laporan berita yang adil dan bebas dapat terus dijalankan.

Kami juga menggesa semua pihak untuk menghormati proses siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak polis dan mengharapkan proses yang adil dan saksama diberikan kepada rakan seperjuangan kami atas kejadian menimpa mereka.

NUJ akan terus memantau perkembangan ini dan memberikan sokongan penuh kepada wartawan-wartawan yang terjejas.

Marilah kita bersama-sama memastikan bahawa integriti kewartawanan dan kebebasan media di Malaysia terus terpelihara.

Bagi Pihak Ahli Jawatankuasa NUJ,

TEH ATHIRA MOHAMED YUSOF

Setiausaha Agung